

01/04/2002

BN menang besar (HL)

BENTONG, Ahad - Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari apabila calonnya, Yum Ah Ha, menewaskan Choong Siew Onn dari DAP dengan majoriti lebih besar, iaitu 2,204 undi.

Yum atau lebih dikenali sebagai Yamaha, 50, yang kali pertama bertanding mendapat 7,153 undi, manakala Choong, 34, tewas dalam percubaan ketiga berturut-turut sejak pilihan raya umum 1995 dengan memperoleh 4,949 undi.

Majoriti undi yang diperoleh Yum bertambah 1,973 undi, berbanding majoriti 231 undi yang diperoleh mendiang Datuk Loke Koon Kam pada pilihan raya umum 1999.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kemenangan besar BN sebagai bukti kejayaan konsep kerjasama gabungan parti dari pelbagai kaum.

"Ini jelas menunjukkan sokongan yang berkurangan pada 1999 bukan kerana rakyat tidak yakin kepada BN, tetapi kerana salah faham" katanya.

Dalam lintas langsung dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui TV1 dari Putrajaya, Dr Mahathir berkata kejayaan cemerlang dengan kelebihan undi hampir sepuluh kali ganda itu juga berkat kerjasama parti komponen BN pada peringkat pusat dan negeri.

"Kalau kita berusaha betul-betul, kita dapat capai kejayaan," katanya sambil mengucapkan tahniah, khususnya kepada Yum dan Abdullah yang memimpin kempen dan jentera BN.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Loke pada 3 Mac lalu kerana menghidap barah rahang. Pada pilihan raya umum 1999, Loke memperoleh 5,874 undi, mengalahkan Choong yang mendapat 5,643 undi.

Keputusan pilihan raya kecil itu diumumkan Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Mohd Sofian Ismail yang juga Pegawai Daerah Bentong, di Dewan Ahmad Shah Majlis Daerah Bentong, kira-kira jam 9.10 malam ini.

Mohd Sofian berkata, 12,251 atau 71.48 peratus daripada 17,144 pemilih berdaftar keluar mengundi di 37 saluran membabitkan 10 pusat pembuangan undi dan 149 undi rosak.

Peratusan keluar mengundi itu bertambah berbanding 11,818 pengundi atau 70.9 peratus pada 1999.

DUN Ketari mempunyai 17,144 pemilih berdaftar dan daripada jumlah itu, 9,229 atau 53.83 peratus adalah pengundi Cina; 6,706 atau 39.12 peratus (Melayu); 893 atau 5.21 peratus (India); 223 atau 1.3 peratus (Orang Asli); 25 orang atau 0.15 peratus (Bumiputera Sarawak); 11 orang atau 0.06 peratus (Bumiputera Sabah); dan 57 pengundi atau 0.33 peratus (kaum lain).

Mohd Sofian berkata, proses pengiraan undi berjalan lancar dengan sekali pengiraan.

Sepuluh pusat mengundi dibuka mulai jam 8 pagi hingga 5.30 petang, iaitu di Stadium Genting; Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Bukit Tinggi; Sekolah Kebangsaan (SK) Janda Baik, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Benus, SRJKC Perting; SK Tengku Fatimah, SRJKC Ketari; Sekolah Menengah Ketari; SRJKC Sungai Dua; dan SK Mempaga Satu.

Sebaik keputusan diumumkan, pemimpin dan penyokong BN yang memenuhi dewan diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersorak gembira menyambut kemenangan calon BN.

Turut menunggu di dewan seawal jam 6 petang, termasuk Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob selaku Pengarah Pilihan Raya BN Ketari; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu; Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek; Setiausaha Agung Umno Tan Sri

Mohd Khalil Yaakob dan menteri Kabinet lain.

Yum, seorang peguam adalah Pengerusi Gerakan Cawangan Ketari sejak 1998, manakala Choong, eksekutif kawalan mutu sebuah syarikat swasta di daerah ini.

Terdahulu, Yum yang ditemani isterinya, Thoo Siew Yoong dan ibunya, Yuat Lan, mengundi di SMK Ketari, kira-kira jam 8.05 pagi. Choong pula mengundi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Perting pada jam 9 pagi.

Adnan turut membuang undi di SMK Benus, kira-kira jam 10.30 pagi. Adnan adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Pelangai, yang termasuk dalam Parlimen Bentong.

Kehadiran Menteri Besar menjadi tumpuan kerana beliau sendiri menunggang skuter hijau muda ke tempat mengundi sehingga mendapat sorakan kira-kira 1,000 penyokong BN.

Tinjauan Berita Harian mendapati, meskipun ada perayu bertegang urat, keadaan itu tidak mencetuskan sebarang pergaduhan.

Suasana di pusat mengundi terkawal dengan kehadiran polis dan Unit Pencegah Rusuhan.

Bagaimanapun, sedikit kesesakan berlaku di Jalan Bentong ke Kampung Benus sejauh kira-kira lima kilometer di antara jam 10 pagi hingga 12 tengah hari, tetapi polis trafik berjaya mengawal keadaan.